

# Rekaan unik pereka muda

Oleh Fairul Asmaini Mohd Pilus  
asmaini@hmetro.com.my

**Konsep** rekaan unik dalam menangani masalah penyisihan komuniti pesara dan warga emas yang diketengahkan pelajar Universiti Putra Malaysia, Wong Kail Li, berjaya mengetepikan cabaran peserta lain untuk membolehkan muncul sebagai pemenang emas untuk kategori seni bina Anugerah Pereka Muka Nippon Paint (NYPYDA) 2014.

Wong, 20-an, menampilkan konsep rekaan 'Bond the Vicinity - Hydrophilic Retirement Retreat' yang menyediakan kemudahan lengkap bagi membolehkan golongan berkenaan menjalani kehidupan lebih baik dengan air sebagai elemen utama.

Selain Wong, Lim Yong An dari Kolej Antarabangsa KBU turut mengahrumkan nama kolejnya apabila muncul pemenang emas dalam kategori hiasan dalaman.

Dengan kejayaan berkenaan, Wong dan Yong An menerima hadiah wang tunai RM3,000, kontrak latihan yang dibiayai penuh di IJM Land Berhad dan lawatan eksklusif ke Jepun untuk Program Pembelajaran Jepun.

Pengarah Urusan Nippon Paint Malaysia Sdn Bhd, Yaw Seng Hen berkata, NPYDA kini memasuki tahun ketujuh dan kali ini ia mengetengahkan tema Fikir Semula, Reka Semula, Komuniti Kita, Kediaman Kita.

Menurut Yaw, tanpa inspirasi golongan muda, dunia rekaan tidak ber-

kembang dan terbantut.

Namun begitu, Yaw menegaskan bahawa inspirasi berkenaan juga disusuli dengan nilai sesuatu pengalaman yang perlu diraih di peringkat setinggi yang mungkin.

"Program Pembelajaran Jepun yang berlangsung pada Mac 2015 di Osaka menggabungkan idea golongan muda dengan wawasan pakar industri.

"Kami berharap dua pemenang berkenaan akan" menimba sebanyak mungkin pengalaman berguna sepanjang di sana kerana mereka inilah yang akan bersama-sama membentuk masa depan dunia fizikal kita," katanya pada majlis penyampaian hadiah di ibu negara, baru-baru ini.

Sementara itu, anugerah berkenaan turut disokong persatuan profesional dan badan kerajaan seperti Pertubuhan Perekabentuk Dalaman Malaysia (MIID), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA), Persekutuan Bangunan Hijau Malaysia (MGBC) dan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KETTHA).

Turut serta sebagai panel tahun ini ialah Organisasi Indeks Bangunan Hijau (GBI), sebuah pertubuhan yang diiktiraf oleh Majlis Persatuan Arkitek Malaysia (PAM) dan Jawatankuasa Pemampasan yang diluluskan untuk membangunkan dan membentuk Indeks Bangunan Hijau.



**YONG An dan Wong, dua pemenang Emas Anugerah Pereka Muka Nippon Paint (NYPYDA) 2014.**